*JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA*

# LAPORAN LIPUTAN MEDIA

| JUMAAT, 20 OGOS 2021 | |
|---|---|
| 1 | Ladang ayam dikompaun RM500 |
| | |

DISEDIAKAN OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT**
**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20.08.2021 | SINAR HARIAN | SINAR NEGERI | 29 |

# Ladang ayam dikompaun RM500

## Lepaskan sisa kumbahan ke Sungai Air Kuning sehingga berlaku pencemaran

Oleh NORAFIDAH ASSAN

JELEBU

Sebuah ladang ternakan ayam di Air Kuning, Gemencheh dikenakan kompaun RM500 selepas didapati menyebabkan pencemaran ke atas Sungai Air Kuning pada 8 Ogos lepas.

Exco Pertanian dan Industri Makanan Negeri Sembilan, Datuk Bakri Sawir berkata, tindakan kompaun itu dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan selepas melakukan siasatan di lokasi.

Menurutnya, hasil siasatan mendapati pemilik ladang itu telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 16(1)(b) Enakmen Kawalan dan Pelesenan Penternakan Unggas dan Aktiviti Berkaitan Penternakan Unggas 1996 (EKPPUABPU 1996) kerana melepaskan sisa kumbahan unggas ke dalam sungai, parit, anak air dan lain-lain.

"Tindakan penguatkuasaan telah diambil di bawah Seksyen 29 EKPPUABPU 1996 iaitu dengan mengenakan kompaun kepada pihak ladang sebanyak RM500," katanya kepada pemberita selepas menyerahkan sumbangan kepada bekas pesara polis dan tentera di Kuala Klawang pada Khamis.




Bakri menunjukkan lakaran keadaan pencemaran di Sungai Air Kuning, Gemencheh.

Mengulas lanjut, Bakri berkata, nilai tersebut ditetapkan dengan mengambil kira beberapa faktor termasuklah kerjasama baik yang telah diberikan oleh pihak ladang dalam menangani isu ini.

"Sementara itu, kerja-kerja pembersihan sungai berkenaan juga telah selesai dilakukan oleh pihak ladang dalam tempoh tujuh hari selepas kita mengadakan lawatan mengejut di lokasi pada 9 Ogos lepas," katanya.

**Laporan *Sinar Harian* pada 11 Ogos 2021.**

*Sinar Harian* sebelum ini melaporkan sebuah ladang ternakan ayam di Gemencheh diberi tempoh tujuh hari bermula Isnin untuk membersihkan sistem kumbahan yang didakwa menyebabkan pencemaran ke atas Sungai Air Kuning.

Salah satu punca pencemaran sungai terlibat adalah dari ladang ternakan ayam itu dan didapati memang berlaku pengaliran air sisa kumbahan dari ladang berkenaan ke dalam parit serta anak air.